

KUALA LANGAT. SEPANG

HUBUNGI SKUAD KUALA LANGAT / SEPANG: NURUL FIRDAUS KHAIRI • 019-0609220 / 019-0602275

Anak muda sukarela bersihkan longgokan sampah

SIJANGKANG - Isu sampah di Jalan Waja Kampung Medan semakin hari semakin parah apabila longgokan sampah yang dibuang tanpa dimasukkan ke dalam tong disediakan menjadikan tempat pengumpulan sampah itu bertambah teruk.

Melihat keadaan itu, sekumpulan anak muda dari Jabatan Amal Kuala Langat di bawah Pemuda Pas Kuala Langat mengambil inisiatif untuk membersihkan tempat pengumpulan sampah haram tersebut secara sukarela.

Ketua operasi pembersihan, Muhammad Nazmi Abd Aziz, 21, berkata, apabila melihat keadaan sekitar tapak pengumpulan sampah itu semakin hari semakin kotor dan menjijikkan pihaknya melancarkan kempen golongan muda cakna terhadap kebersihan alam sekitar.

Menurutnya, usaha itu diharapkan dapat membuka mata masyarakat tentang pentingnya menjaga kebersihan dan menggunakan kemudahan awam yang disediakan dengan sebaiknya.

"Saya menyeru kepada masyarakat untuk menghayati seruan Islam iaitu kebersihan sebahagian dari iman.

"Sepatutnya isu sampah dapat diselesaikan bermula dari rumah. Kesedaran sivik masyarakat kita perlu

dididik sejak kecil lagi yang mana sampah mesti diurus dengan cara yang betul," katanya.

Sinar Harian bakal mendapatkan maklum balas daripada pihak yang bertanggungjawab dalam masa terdekat mengenai isu sampah yang dilonggokkan di kawasan berkenaan.



Anak muda yang menjalankan aktiviti sukarela membersihkan longgokan sampah di kawasan Jalan Waja, Kampung Medan.

Tekad bantu rampas Sepang

DENGKIL - Semua pihak tidak boleh memandang enteng dengan gerak kerja pilihan raya pada kali ini sekali gus perlu memberi keutamaan untuk mengekalkan Dun Dengkil.

Demikian menurut Adunnya, Shahrums Mohd Sharif apabila diminta mengulas mengenai simulasi pilihan raya yang diadakan serentak baru-baru ini.

Menurutnya, walaupun gendang perang belum berbunyi, pihaknya sudah bersedia sedia malah mahu mengekalkan kerusi Dun selain memberi sumbangan terbesar dalam kemenangan semula peringkat Parlimen Sepang.

"Saya percaya PRU14 kali ini, apa sahaja boleh berlaku, kita juga percaya kubu kuat DAP juga boleh kita gugat kalau kita boleh membuat sesuatu yang bermatlamat termasuk permafakatan dan bekerja seperti dalam sebuah pasukan mantap.

"Harapan kita, tak ada satu Dun pun kita tinggal, malah 56 Dun kita mantapkan dengan harapan kita boleh lakukan walaupun di Dun yang tidak mempunyai ke-



Kita tak nak perkara sama berulang dan sentiasa ingat pesanan presiden kita bila dapat ke Sepang.

- Shahrums

kuatan yang besar," katanya yang enggan mengulas lanjut mengenai parti lawan namun menyifatkan sekiranya parti lawan berpecah, adalah bonus untuk BN.

Mengulas mengenai adakah kekuatan BN di Dun Tanjung Sepat dan Dun Sungai Pelek sama seperti kekuatan yang ada di Dun Dengkil, Shahrums berkata, ia hampir sama walaupun di Sungai Pelek dan Tanjung Sepat pernah kalah sebelum ini dan hari ini dimonopoli oleh DAP dan Pastetapi kekalahan lampau mengajar banyak perkara yang boleh diperbaiki.

"Bagi saya termasuklah soal kesetiaan setelah calon diumumkan di peringkat Dun mahupun Parlimen

nanti. "Kita tak nak perkara sama berulang dan sentiasa ingat pesanan presiden kata, bila datang ke Sepang, jadikan Sepang satu ikibar dan pengajaran," katanya yang percaya kepimpinan BN di Sepang sering kali menerapkan supaya kejadian lampau tidak berulang lagi.

Beliau juga mahu memastikan siapa sahaja calon kali ini, pihaknya berusaha ke arah memantapkan lagi jentera, yakin dan percaya tiada isu menyebabkan kekalahan BN seperti pada PRU13 yang lalu.

Tegasnya, kesetiaan perlu wujud dalam jiwa semua ahli parti, termasuk bakal calon atau bukan calon.

Bantu apa yang patut

Kerjasama Intan, JPNIN dan Jakoa ceriakan masyarakat Orang Asli

NURUL FIRDAUS KHAIRI

TANJUNGGEPAT

Inisiatif kakitangan Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) dengan kerjasama Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) memilih Kampung Orang Asli Tanjung Sepat untuk menjalankan aktiviti khidmat

masyarakat kepada seluruh penduduk kampung berkenaan.

Seorang penduduk, Calun Anak Itam, 39, berkata, dia kini boleh tersenyum selepas rumahnya sudah dibaiki oleh sekumpulan peserta yang dikenali sebagai Kumpulan 'Advance Management Learning Program' (ALMP) 57 Siri 1/2018 ketika mengadakan Ziarah Kasih dan Khidmat Masyarakat di kampungnya.

Menurutnya, dia bekerja sebagai buruh dengan pendapatan RM700 sebulan tidak mampu membaiki bahagian dapur rumah yang rosak teruk.

"Saya tak sangka ada pihak bantu mencerikan keluarga saya selain membantu membaiki tempat berteduh isteri bersama tiga orang saya.

"Saya anggap ini adalah rezeki saya tak temilat," katanya.



Antara yang terlibat dalam program Ziarah Kasih dan Khidmat Masyarakat oleh Kumpulan ALMP57 di Kampung Orang Asli Tanjung Sepat.

Sementara itu, Ketua Pengarah JPNIN, Datuk Baharin Idris berkata, program bersepadu oleh kakitangan Intan dengan kerjasama JPNIN dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (Jakoa) itu sebagai langkah membina jaringan pembangunan yang seiring

di setiap jabatan. Menurut, selain memantapkan hubungan silaturahim, pihaknya mahu menitikberatkan kesedaran mengenai hubungan dengan masyarakat Orang Asli dan menjalankan tanggungjawab terhadap keperluan kaum

itu. "Aktiviti mengecat luar bangunan, membaiki dan mengganti atap rumah penduduk itu pula, sebagai usaha membuktikan sikap keprihatinan kita terhadap golongan itu. "Kita nak lihat perjawat

awam dapat mewujudkan sebuah hubungan rapat dengan masyarakat ini bukan sahaja di sisi malah di kawasan perkampungan Orang Asli di Malaysia," katanya sempena Program Ziarah Kasih dan Khidmat Masyarakat oleh Kumpulan ALMP57 di Kampung Orang Asli Tanjung Sepat.

Pegawai Jakoa Kuala Langat, Jantan Awang berkata, beliau gembira apabila pelbagai pihak memilih kampung Orang Asli di Daerah Kuala Langat untuk aktiviti tanggungjawab sosial korporat.

Ia disifatkan sebagai usaha mempromosikan kampung itu ke peringkat yang lebih luas.

Seramai 56 peserta ALMP 57 terlibat dalam aktiviti dilakukan termasuk memasak, selain ceramah penjagaan kesihatan wanita serta penyampaian beras dan kain batik.

